

SOALAN NO. : 27

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah
[Limbang]**

TARIKH : Rabu , 11 Mac 2015

SOALAN:

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk jangka masa panjang dalam menangani fenomena banjir besar yang dijangka akan kerap berlaku kerana kesan daripada pemanasan global dan kerosakan muka bumi oleh tangan – tangan manusia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perancangan jangka panjang yang dilakukan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia bagi menghadapi berlaku banjir adalah melalui langkah-langkah struktur seperti pembinaan infrastruktur tebatan banjir iaitu sistem saliran, terowong SMART, kolam-kolam takungan dan empangan tebatan banjir.

Manakala perancangan jangka pendek termasuklah langkah bukan struktur, seperti menyebarkan amaran awal banjir supaya rakyat yang tinggal di kawasan banjir boleh bersedia dan pengurusan bantuan bencana banjir dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan bagi mengurangkan kesan akibat banjir.

Sekian, terima kasih.